

PM umum pembentukan UM 19 DEC 1983 Majlis Perundingan Ekonomi Negara

PETALING JAYA 18 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahatir Mohamad hari ini mengumumkan pembentukan Majlis Perundingan Ekonomi Negara selepas 1990 dan berjanji akan melaksanakan dasar yang dipersetujui oleh majlis tersebut sebagai asas Dasar Ekonomi Baru selepas tahun itu.

Beliau berkata majlis tersebut akan dianggotai

oleh 50 peratus bumiputera dan 50 peratus bumiputera yang diwakili oleh tokoh-tokoh daripada parti-parti politik dalam kerajaan dan parti pembangkang.

"Kumpulan-kumpulan pendesak bebas yang selalu tidak pernah puas-hati dengan DEB juga akan diberi peluang menyertai majlis ini," katanya semasa merasmikan majlis makan malam Persatuan Pegawai Tad-

bir dan Diplomatik (PPTD) di sini malam ini.

Beliau berkata keanggotaan sedemikian bertujuan supaya tidak ada tuduhan bahawa kerajaan berat sebelah.

Katanya, kerajaan akan menyediakan sebarang urusetia serta maklumat-maklumat yang diperlukan manakala majlis tersebut boleh menentukan susunan kerja termasuk perlantikan seorang pengerusi.

Beliau mahu majlis berkenaan mengkaji pencapaian DEB dan kegagalannya serta membentuk dasar dan program yang mereka mahu bagi ekonomi negara selepas 1990.

"Dasar dan program itu hendaklah dipersetujui oleh majlis tetapi sama ada majlis akan berpegang kepada keputusan majoriti atau sebulat suara, bolehlah ditentukan oleh majlis itu sendiri," tambahnya.